

29 NOV 2002

Hishammuddin-Penuntut

PEMBANGKANG PENGARUHI PENUNTUT LUAR NEGARA JADI EKSTRIMIS

KUALA TERENGGANU, 29 Nov (Bernama) -- Pembangkang yang mempengaruhi para penuntut di luar negara dengan unsur keganasan menyebabkan penduduk di negara tuan rumah menjauhi penuntut Malaysia.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, beliau telah menerima maklumat terhadap tindak-tanduk penuntut Malaysia yang dianggap sebagai kumpulan ekstrim oleh masyarakat tempatan di situ.

"Jadi penduduk tempatan mengelakkan daripada bergaul dengan penuntut Malaysia dan menjauhi daripada penuntut-penuntut negara ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco Pemuda Umno di sini, hari ini.

Budaya yang diterapkan oleh pembangkang adalah tidak sihat dan akan mencemarkan imej negara selain mengeruhkan hubungan antara penuntut Malaysia di luar negara.

Hishammuddin berkata parti pembangkang menumpukan penuntut yang mengambil bidang jurusan agama dan ianya banyak melibatkan penuntut yang menuntut di Mesir, Syria dan Jordan.

"Mereka menumpukan penuntut ini untuk eksploitasi agama demi kepentingan politik mereka..." katanya.

Pemuda Umno akan memberi bantuan dan kerjasama kepada mana-mana anggota kelab Umno yang dianiayai atau menjadi mangsa keganasan penyokong pembangkang.

Beliau turut menyokong keputusan kerajaan untuk membuat siasatan menyeluruh terhadap Sekolah Agama Rakyat dan keputusan itu bukan bermotifkan politik semata-mata.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata keputusan dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ianya benar-benar mengajar agama.

-- BERNAMA

MRA PR